

# Masjid perlu jadi nadi, tunjang aktiviti pendidikan

SH 20/3/09 PS-T8

**MENGABANG TELIPOT** – Masyarakat daripada pelbagai peringkat perlu sama-sama berusaha menjadikan institusi masjid sebagai nadi dan tunjang utama kepada kegiatan pendidikan serta kemasyarakatan bagi seluruh umat Islam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tepoh, Muhammad Ramli Nuh berkata, usaha itu perlu dilakukan supaya mampu meningkatkan lagi tahap kesedaran terhadap penghayatan nilai Islam, selain mampu menguatkan semangat dalam diri masing-masing.

"Institusi masjid memainkan peranan yang sangat penting bagi menyampaikan ajaran Islam kerana ia bukan sahaja dijadikan sebagai tempat menunaikan solat semata-mata, sebaliknya turut menjadi pusat kegiatan ilmu.

"Kita perlu berusaha memastikan pelbagai aktiviti ke-



● Muhammad Ramli (duduk, tengah) bergambar bersama peserta Bengkel Pengurusan Kewangan Masjid.

agamaan, ilmu dan kemasyarakatan dapat dilaksanakan di seluruh masjid yang terdapat di negeri ini.

"Ia sebagai usaha merealisasikan hasrat mewujudkan pasukan pengurusan masjid yang cekap," katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Pengurusan Kewangan Masjid, anjuran Pusat Perhubungan Universiti-Industri (PPUI) Universiti

Malaysia Terengganu (UMT), di sini.

Turut hadir, Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yasin, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Aziz Deraman dan juga Pengarah PPUI, Profesor Madya Dr Mahadzirah Mohamad.

Sementara itu, pada majlis dihadiri pegawai masjid dan anggota jawatankuasanya membabitkan 17 institusi di

kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tepoh itu, mereka turut diberi pendedahan mengenai ilmu pengurusan kewangan yang betul.

Peserta turut diingatkan supaya lebih proaktif dan kemas menguruskan hal berkaitan dengan harapan mampu mewujudkan angkatan pengurusan masjid yang cekap, seterusnya memastikan seluruh masjid di negeri ini dapat diuruskan dengan baik.

**ibadat  
ilmu**